

31 OCT 1999

Khalil-Pendedahan

ANWAR: MUNGKIN ADA PENDEDAHAN LAIN LAGI, KATA KHALIL

KUALA TERENGGANU, 31 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Mohamed Khalil Yaakob menjangka mungkin banyak lagi pendedahan akan dibuat oleh anggota Umno lain berhubung apa yang dilakukan oleh bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu berada dalam parti dan kerajaan.

Beliau berkata mungkin banyak perkara yang tidak diketahui orang ramai akan didedahkan oleh anggota-anggota parti terutama mereka yang mempunyai pengalaman sendiri bersama Anwar.

"Kita tunggu sahajalah perkara ini...kerana anggota Umno ramai iaitu kira-kira 2.7 juta orang dan mereka mempunyai pengalaman tersendiri bersama Anwar... pendedahan itu tidak perlu dirujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno," katanya kepada pemberita sebelum mengadakan perjumpaan dengan lebih 100 orang kakitangan RTM Kawasan Timur di RTM Kuala Terengganu, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dalam akhbar hari ini bahawa Kerajaan Negeri Johor menunggu masa untuk membuat pendedahan mengenai apa yang dilakukan oleh Anwar di negeri itu, yang tidak diketahui orang ramai.

Abdul Ghani, yang mendakwa beliau mempunyai bukti apa yang dilakukan oleh Anwar di Johor, berkata pendedahan oleh bekas penolong gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid Khamis lepas adalah tidak menghairankan di negeri itu kerana mereka (di Johor) tahu dan mempunyai bukti kegiatan yang dilakukan oleh Anwar.

Mengenai pengumuman Abdul Ghani itu, Khalil berkata: "Terpulanglah kepada (Abdul) Ghani kerana Umno tidak mempunyai kuasa untuk menghalang beliau berbuat demikian.

"Beliau (Ghani) tidak perlu merujuk kepada parti kerana ia adalah pengalaman peribadi beliau bersama Anwar dan tambahan lagi pendedahan itu adalah secara sukarela," katanya.

Ketika ditanya sama ada MT akan membincangkan mengenai pendedahan Abdul Murad dalam mesyuaratnya, Khalil berkata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberi taklimat mengenai perkara itu semasa mesyuarat MT nanti.

Beliau tidak menolak perkara itu akan dibincangkan dalam MT dan anggota MT juga pasti akan bertanya untuk mendapatkan penjelasan lanjut berhubung pendedahan itu daripada presiden.

Khalil berkata MT tidak mempunyai bidang kuasa untuk menghalang mana-mana anggota atau pemimpin parti daripada membuat pendedahan secara sukarela berhubung pengalaman mereka bersama Anwar.

Ditanya sama ada kegiatan Anwar itu berlaku di Pahang sewaktu Khalil menjadi Menteri Besar, beliau berkata pendedahan mengenai perkara itu akan dibuat tidak lama lagi.

Khalil, yang juga Menteri Penerangan dan Pengerusi Perhubungan Umno Pahang, berkata: "Tunggu...tidak logik saya buat pendedahan itu di luar (Pahang) kerana ia berlaku di Pahang.

Semasa diminta menjelaskan bentuk pendedahan itu, beliau enggan mengulas lanjut dan berkata: "tunggu sahajalah..."

Sambil merujuk pendedahan Murad dan Ghani sebagai tindak balas secara "kasar" individu terutama anggota-anggota Umno bagi menjelaskan keadaan itu, Khalil berkata tindakan itu bukanlah sesuatu yang di luar jangkauan

kerana pihak pembangkang turut membuat fitnah memburuk-burukkan Umno dan pemimpin kerajaan.

Beliau berkata Anwar sendiri membuat pendedahan di mahkamah mengenai pemimpin-pemimpin kerajaan dan anggota Umno berpendapat mereka juga perlu mempertahankan nama baik parti dengan membuat pendedahan berdasarkan pengalaman masing-masing bersama bekas timbalan perdana menteri itu.

"Ini adalah selari dengan kehendak parti yang mahukan setiap anggota dapat `counter' (menangkis) segala fitnah yang dilemparkan oleh pembangkang," katanya.

-- BERNAMA

SBS NAK